

04/04/2003

SPR jamin pemilih sempat mengundi

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) semalam memberi jaminan bahawa mereka yang mendaftar sebagai pemilih sekarang, sempat untuk mengundi pada pilihan raya umum akan datang.

Pengerusinya, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman, berkata proses pengesahan pemilihan sekarang boleh dibuat dalam tempoh tiga bulan selepas seseorang itu mendaftar, bukan lagi berbulan-bulan seperti sebelumnya.

"Kalau nak mengundi, daftar sekarang. Saya jamin mereka sempat mengundi jika pilihan raya umum diadakan tahun ini atau bila-bila masa selepas Julai tahun ini. Jangan tunggu hingga saat akhir untuk berdaftar," katanya kepada Berita Harian.

Beliau diminta mengulas mengenai 1.7 juta rakyat negara ini yang masih belum mendaftar dengan SPR untuk tujuan mengundi, walaupun layak berbuat demikian. Daripada jumlah itu, 50 peratus adalah kalangan yang berumur antara 21 hingga 30 tahun.

DAP dalam satu kenyataan semalam turut melahirkan kebimbangan mengenai jumlah yang agak ramai tidak mendaftar sebagai pemilih dan menasihatkan orang ramai supaya berbuat demikian di SPR atau Pos Malaysia supaya mereka tidak hilang hak mengundi dalam proses memilih kerajaan.

Proses pengesahan pemilih dibuat setiap suku tahun sekarang menyebabkan tempoh seseorang pemilih disahkan layak sebagai pengundi adalah antara dua minggu hingga tiga bulan, bergantung tarikh mereka mendaftar.

Abdul Rashid berkata, tempoh Parlimen sekarang akan berakhir pada Disember tahun depan dan pilihan raya umum boleh diadakan mulai sekarang hingga tarikh itu.

Katanya, SPR sudah bersiap sedia untuk mengadakan pilihan raya umum akan datang dan ia cuma perlu mengadakan latihan untuk kakitangan sebaik saja sudah ada tanda Parlimen dibubarkan.

Arahan kuasa untuk membubarkan Parlimen terletak pada tangan Perdana Menteri sebelum SPR menetapkan tarikh pencalonan dan pengundian.

Bagaimanapun, ura-ura sudah kedengaran bahawa pilihan raya umum akan datang kemungkinan besar diadakan pada bila-bila masa antara Oktober ini dan suku pertama tahun depan.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka mengetuai jentera Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya itu nanti, selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara mulai Oktober ini.

Abdul Rashid juga berkata, SPR tidak bercadang untuk mewajibkan rakyat mendaftar secara automatik sebaik berusia 21 tahun kerana ia bercanggah dengan hak kebebasan di sebuah negara demokrasi.